

09/09/2002

Barat gagal tawan hati orang Islam

Abdul Halim Yusoff; Magendran Rajagopal

PULAU PANGKOR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membidas kuasa besar Barat kerana tidak melakukan apa-apa pun untuk menawan hati dan pemikiran orang Islam, sebaliknya cenderung melancarkan perang terhadap mereka dalam usaha menghapuskan keganasan.

Sambil menyifatkan tindakan Barat itu sebagai sesuatu yang salah, Perdana Menteri berkata: "Pelbagai perkara dilakukan untuk terus mengasingkan mereka (orang Islam), untuk membangkitkan kemarahan dan mengecewakan mereka. Tindakan ini akan hanya memastikan kemungkinan lebih ramai lagi dan secara berterusan orang Islam terbabit dengan keganasan."

"Barat tidak peduli untuk mencari dan menghapuskan punca keganasan sementara suara lemah yang membantah di kalangan mereka tidak dihiraukan," katanya dalam ucapan penutupan Forum Kepemimpinan Global Asia yang pertama kali diadakan atau yang dikenali sebagai Pangkor Retreat di sini.

Ia dihadiri kira-kira 180 peserta, termasuk pemimpin industri, menteri, ahli akademik dan ahli ekonomi. Turut hadir ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali dan Pengarah Urusan Kumpulan YTL Corporation Bhd Tan Sri Francis Yeoh, yang mempengerusikan sesi penutup mengenai "Membina dan Membentuk Kemakmuran: Memberikan Dimensi Kemanusiaan terhadap Globalisasi".

Dr Mahathir berkata, negara yang lemah diserang menggunakan tentera mengakibatkan rakyatnya terbunuh dan tanah dirampas hanya semata-mata kerana tidak menuruti budaya Barat walaupun Barat sendiri yang sering bercakap mengenai kebebasan, demokrasi dan hak asasi manusia.

"Sebenarnya, demokrasi yang dibenarkan terhad kepada demokrasi liberal dan kegagalan menerimanya mengakibatkan negara berkenaan diserang atau dibom supaya kerajaan sedia ada dijatuhkan secara paksa.

"Mungkin ini satu kebetulan tetapi apa yang nyata ialah kebanyakan mangsa serangan adalah negara Islam dan umat Islam. Pakistan, Bosnia Herzegovina, Kosovo, Sudan, Libya, Iran, Iraq dan Chechnya sudah menghadapi serangan tentera, sekatan ekonomi dan penindasan," katanya.

Tambah Dr Mahathir, di Bosnia Herzegovina kira-kira 200,000 umat Islam Bosnia dibunuh sebelum pihak berkenaan mengambil sebarang tindakan.

Walaupun boleh bertindak lebih awal, mereka memilih untuk tunggu dan melihat saja. Katanya, di Palestin pembunuhan masih lagi berterusan.

Ada pihak mendakwa rakyat Palestin juga melakukan serangan ganas meskipun pada hakikatnya, mereka tiada pilihan lain bagi mempertahankan diri serta mendapatkan semula hak mereka dan ini menjadi alasan regim Israel membunuh lebih ramai rakyat Palestin.

Selain itu, kata Perdana Menteri, pelbagai bentuk sekatan ekonomi dikenakan terhadap Iran, Libya dan Sudan, semuanya negara Islam, sekali gus menjadikan Islam di serata dunia merasakan diri mereka ditindas tetapi tidak mempunyai pilihan untuk berperang kerana seteru mereka mendapat sokongan kuasa besar.

Katanya, dunia hari ini hidup dalam ketakutan terhadap pengganas Islam dan bukan pengganas lain dan disebabkan pengganas tidak mudah untuk dikenal pasti atau dikesan, semua orang Islam dianggap pengganas dan dilayani sedemikian rupa.

Memandangkan majoriti rakyat Malaysia adalah Islam, semua rakyat Malaysia dihukum dengan dinafikan untuk mendapatkan visa, diperiksa dan diperiksa sekali lagi malahan dimalukan ketika mereka pergi ke negara tertentu, katanya.

"Malaysia juga menghadapi ancaman pengganas tetapi kita mengatasinya menerusi perang psikologi, bukan ketenteraan, termasuk dengan menyedarkan penyokong mereka serta pengganas itu sendiri.

"Bagaimanapun kebanyakan kuasa besar sekarang tidak mahu mencari penyelesaian tanpa menumpahkan darah, sebaliknya tindakan mereka lebih didorong oleh sikap mahu membalas dendam," katanya.

Jelas Dr Mahathir, manusia tidak boleh dipaksa berubah kerana paksaan hanya mewujudkan pemberontakan dan ramai akan kehilangan nyawa dalam usaha membebaskan diri mereka.

Sementara itu, menjawab satu soalan mengenai cara Malaysia mengatasi masalah pendatang tanpa izin Indonesia pada sesi dialog majlis itu, Perdana Menteri berkata, negara tidak menghalang kemasukan mereka tetapi mahu memastikan tiada yang masuk secara haram kerana kerajaan mengakui bahawa tenaga kerja mereka masih diperlukan, terutama dalam sektor pembinaan.

Katanya, kerajaan bukan saja mengenakan tindakan terhadap pendatang tanpa izin Indonesia saja, malah mereka dari Bangladesh dan Filipina tidak terkecuali.

Bagaimanapun, mereka boleh memasuki negara ini secara sah dengan mematuhi prosedur yang ditetapkan.